

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/01/25\_04 (HQ)

### TNB RAIH ANUGERAH EMAS TERTINGGI AIGA KEBANGSAAN, MERCU TANDA PENCAPAIAN ESG

- Pengiktirafan komitmen penuh warga kerja terhadap pematuhan pelbagai usaha mengukuh integriti
- Sejak agenda ke-16 SDG memperbaiki kehidupan rakyat melalui peningkatan akses kepada keadilan dan menggalakkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif

Usaha berterusan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengukuhkan integriti organisasinya mendapat pengiktirafan negara apabila muncul antara lima pemenang Emas Tertinggi Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) Kebangsaan 2022, diumumkan di Kuala Lumpur pada 18 Januari 2023.

Pencapaian itu memahatkan mercu tanda pencapaian TNB dalam komitmennya terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), khususnya tata kelola dan sahsiah diri warga kerja melalui pelaburan meningkatkan integriti organisasi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Indera Ir. Baharin Din menyifatkan anugerah itu sebagai penghargaan bernilai kepada pematuhan warga kerja TNB terhadap pelbagai inisiatif memperteguh organisasi termasuk menjadikan integriti sebagai antara enam nilai teras budaya kerja.

"TNB secara berterusan mengambil pelbagai inisiatif dalam memperteguh integriti termasuklah melaksanakan pelbagai program seperti bengkel dan latihan, penambahbaikan sistem kerja dan pentadbiran, tindakan penguatkuasaan dan membangunkan budaya kerja terpuji," jelasnya.

Beliau menerima anugerah anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) itu daripada Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Fadillah Yusof, di Auditorium IIM. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

AIGA Kebangsaan itu julung kali diadakan dengan menerima 116 penyertaan sektor awam dan swasta sebagai satu mekanisme mengukur komitmen, usaha serta keberkesanan inisiatif integriti dan tata kelola organisasi.

Antara inisiatif integriti TNB ialah memperolehi pensijilan ISO 37001 "Anti Bribery Management System" daripada SIRIM QAS International; membangunkan Integrity Health Index (IHI) bagi mengukur tahap integriti secara objektif dan melatih pegawai di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), SPRM untuk menjadi pegawai integriti bertauliah (CeIO).

Baharin berkata, TNB juga meningkatkan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membolehkan kedua-dua organisasi mengadakan pelbagai aktiviti bersama bagi tempoh lima tahun.

MoU yang ditandatangani tahun lalu itu, katanya, mengukuhkan lagi kerjasama sedia terjalin di antara TNB dan SPPM, dengan merangkumi perkongsian maklumat dan kepakaran, menambah baik sistem dan prosedur TNB, pelaksanaan operasi pengesanan bersama serta program kesedaran dan latihan.

Menurut beliau, usaha-usaha mengukuh integriti itu memperkasakan warga kerja dengan menyerlahkan potensi dan memupuk nilai-nilai serta budaya mereka dalam mendukung tadbir urus yang mengamalkan perniagaan beretika dan berbudaya dengan semangat penuh bertanggungjawab.

“Ia berpaksikan akauntabiliti, ketelusan dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti, sekali gus menyokong agenda ke-16 Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals (SDG) 2030, yang mensasarkan memperbaiki kehidupan rakyat melalui peningkatan akses kepada keadilan dan menggalakkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif,” katanya.

Malah, katanya, agenda keseluruhan SDG agar manusia dapat menikmati keamanan dan kemakmuran dengan menyeimbangkan ekonomi, sosial dan alam sekeliling, boleh diterjemahkan melalui enam nilai teras budaya warga kerja TNB meliputi Integriti, Kerjasama, Profesionalisme, Mengutamakan Pelanggan, Berwawasan dan Prihatin.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 Januari 2023, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Fadillah Yusof (dua, kanan) menyampaikan Anugerah Emas kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (dua, kiri) di Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) Kebangsaan 2022 yang julung kali dianjurkan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 18 Januari 2023.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah IIM, Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi (kiri).